

# Penjagaan Pesakit Selepas Menjalani Pembedahan Di Unit Rawatan Harian (Daycare)


## Jagaan Luka

- Asses luka pembedahan setiap hari, sekiranya ada tanda-tanda jangkitan seperti merah, bengkak, bernanah, sila dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital berhampiran.
- Lakukan dressing seperti yang diarahkan di klinik/hospital berhampiran.
- Sekiranya ada jahitan, perlu dibuka mengikut tarikh yg diberikan.



## Pemakanan

- Tiada pantang kecuali jika ada alahan kepada makanan tertentu.
- Tingkatkan pengambilan makanan yang tinggi kandungan protein seperti ayam, ikan, daging.



## Ubatan

- Ambil ubat tahan sakit dan antibiotik mengikut arahan doktor.
- Jika ada tanda alahan kepada ubatan (kemerahan, ruam, gatal, bengkak), sila berhenti mengambil ubat tersebut dan segera berjumpa doktor di klinik berhampiran.



## Temujanji

Sila patuhi temujanji yang telah di beri.



## Aktiviti

Elak melakukan aktiviti lasak dalam tempoh satu minggu atau seperti yang diarahkan oleh doktor



Jumpa doktor sekiranya komplikasi berlarutan dan dapatkan rawatan segera di klinik kesihatan/hospital yang berdekatan